

Headline	IPPH UPM bangun teknologi dan produk halal		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	01 May 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	P13	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	258 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,419
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,257



# IPPH UPM bangun teknologi dan produk halal

**INSTITUT** Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani dua perjanjian persefahaman untuk membangunkan teknologi mengesan bahan gelatin tidak halal pada produk makanan dan penghasilan produk samak berasaskan tanah liat.

Perjanjian pertama menyaksikan firma Amerika, Agilent Technologies Inc. menjalinkan kerjasama dengan IPPH untuk meningkatkan keupayaan melaksanakan penyelidikan dengan memberi fokus terhadap penghasilan produk makanan yang halal dan selamat kepada pengguna.

Agilent dijangka membekalkan alatan canggih dikenali ultra-sensitive Agilent 6490 Triple Quadrupole Liquid Chromatography yang mampu melakukan diagnostik tahap molekul bagi mengesan bahan tidak halal.

Selain bantuan alatan, firma ini turut melaksanakan latihan kompetensi kepada penyelidik profesional IPPH bagi menjalankan analisis ujian kimia dengan menggunakan alat tersebut.

Pengarah IPPH, Profesor Dr Russly Abdul Rahman berkata, kerjasama itu membuktikan UPM sentiasa memastikan kualiti penyelidikan produk halalnya bertaraf dunia demi meningkatkan tahap keyakinan pengguna terhadap kualiti produk dan

perkhidmatan yang dihasilkan.

"Kerjasama ini dilihat mampu melonjakkan nama Malaysia sebagai hab halal sedunia di mana nilai pasaran produk halal dianggarkan berjumlah USD662 bilion (RM2 trilion) setahun," katanya pada Sidang Kemuncak Penyelidikan Halal Dunia 2012 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

IPPH turut menjalinkan kerjasama dengan MIFF (M) Marketing iaitu syarikat Bumiputera Islam yang menawarkan perkhidmatan samak berasaskan tanah liat di Malaysia.

Penyelidikan dengan IPPH itu merupakan inisiatif yang diambil oleh MIFF untuk membangunkan produk mereka bagi meningkatkan mutu barangan dan perkhidmatan sedia ada.

"Penyelidikan secara kimia dan fizikal ini akan dijalankan terhadap produk tanah liat yang dibangunkan dan menghasilkan produk baru

menepati piawaian serta selamat digunakan.

"Kajian ini juga akan menghasilkan variasi terhadap produk untuk kegunaan awam dan pihak industri seperti samak *clay powder*, sabun samak, cecair pencuci samak dan pembersih minyak universal," katanya.

● SUMBER PORTAL UPM



Russly (kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Pengurus Besar dan Naib Presiden Aligent Technologies, Shidah Ahmad sambil diperhatikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed (tengah).